



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI PUJA USIA
DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
YANG KE EMPAT PULUH SATU**

**MASJID ASH-SHALIHEEN, JABATAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HARI RABU, 28 RABIULAKHIR 1436 BERSAMAAN DENGAN 18 FEBRUARI 2015**

-
1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD, yang ke empat puluh satu.
 2. Majlis tersebut telah diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan. Hadir di majlis ini ialah Yang Mulia Dato Paduka Haji Ali bin Haji Apong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Ahli Lembaga Pengarah AMBD. Turut hadir ialah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.
 3. Majlis dimulakan dengan sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yassin, Doa Kesyukuran, Sembahyang Hajat dan seterusnya sembahyang Fardhu Isya' berjemaah yang diimamkan oleh Yang Mulia Imam Hj Mohd Aslenen bin Hj Metussin.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh : 28 Rabiulakhir 1436H / 18 Februari 2015M
Rujukan : AMBD/COMM/1